

15/12/2001

Malaysia sedia lanjut tempoh tahanan Misuari

PARIT BUNTAR, Jumaat - Kerajaan sedia melanjutkan tempoh penahanan bekas Gabenor Wilayah Autonomi Muslim Mindanao, Nur Misuari selagi Filipina belum menyatakan kesediaan menerima pemimpin itu.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Zainal Abidin Zin, berkata Malaysia terus menahan Misuari selagi Manila belum menetapkan tarikh menerima penghantaran pulang pemimpin itu.

"Malaysia tidak boleh lepaskan Misuari begitu saja selagi Kerajaan Filipina tidak ambil semula," katanya selepas menyampaikan bantuan Aidilfitri kepada 400 fakir miskin, anak yatim dan ibu tunggal anjuran Umno Bahagian Bagan Serai di sini, hari ini.

Selasa lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dilaporkan berkata, Malaysia sedia menghantar Misuari ke negara ketiga jika Filipina enggan menerimanya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, setakat ini belum ada permintaan rasmi dari mana-mana negara, termasuk Arab Saudi untuk menerima Misuari.

Misuari yang mengisytiharkan perang terhadap Manila di Jolo, Selatan Filipina pada 19 November sebelum melarikan diri, ditahan polis negara ini bersama pengikutnya di Pulau Jampiras, Sabah, awal pagi 24 November lalu.

(END)